

SIDANG UNIDO
14.11.1973

~~246~~
~~14/79~~

16A

Pagi ini saya telah merasmikan satu Sidang Ketiga negara-negara Asian bertujuan memajukan projek-projek perusahaan di bawah anjuran UNIDO iaitu Pertubuhan Pembangunan Perusahaan Bangsa-bangsa Bersatu di Hotel Hilton.

2. Perjumpaan ini ialah yang Ketiga kali diadakan di negara Asia, iaitu kali pertama di Philipina, kemudian di Singapura dua tahun yang lalu dan yang ketiga di Malaysia. Hadir dalam perjumpaan pada hari ini ialah lebih 300 orang ahli perusahaan dari negara-

negara maju dan sedang membangun.

3. Perjumpaan ini ialah satu usaha menemukan ahli-ahli perusahaan daripada negara-negara yang telah maju dengan ahli-ahli perusahaan di negara-negara yang sedang membangun untuk mencari jalan bagaimana menyesuaikan dan memajukan rancangan-rancangan pembangunan perusahaan di negara-negara masing-masing.

4. Sidang pada kali ini sangatlah penting kerana telah terdapat kesedaran pada negara-negara yang telah maju untuk menolong membangun projek-projek perusahaan di negara-negara yang sedang membangun.

5. Dalam ucapan saya telah ditegaskan beberapa perkara. Pertamanya, tentang kesedaran negara-negara membangun termasuk Malaysia untuk menekankan kepentingan ekonomi negara masing-masing iaitu untuk mendirikan projek-projek perusahaan dan tidak lagi banyak mengeluarkan bahan-bahan mentah. Bagi negara-negara yang sedang membangun pula, saya telah menekankan mustahaknya supaya kepentingan bersama iaitu negeri-negeri yang membangun dan yang sedang membangun dapat disesuaikan untuk kepentingan bersama dalam bidang perusahaan.

6. Saya telah menyeru supaya ahli perusahaan-perusahaan daripada negara-negara

maju supaya mengambil peluang daripada keadaan ini dan menanam modal mereka di negara-negara yang sedang membangun ini guna menambahkan kestabilan ekonomi masing-masing. Dengan cara ini kedua-dua pihak akan beruntung iaitu negara-negara yang telah maju disebabkan oleh keadaan sosial di negara mereka dan juga perbelanjaan yang tinggi bagi mengeluarkan barang perusahaan menyebabkan mereka ingin mengadakan perusahaan-perusahaan di negeri-negeri yang sedang membangun di mana soal buruh, kemudahan-kemudahan yang lain dapat diadakan dengan kadar perbelanjaan yang rendah. Bagi negara-negara yang membangun seperti Malaysia, saya percaya dengan adanya perusahaan seperti

ini terutamasekali perusahaan yang barang-barang pengeluarannya untuk diekspot dapat menambah matawang asing di samping memberi pekerjaan kepada warganegara kita.

7. Saya percaya dengan perjumpaan ini, ahli-ahli perusahaan daripada kedua-dua pihak akan dapat berusaha mencarikan jalan bagaimana memajukan kepentingan bersama itu.

8. Saya yakin seperti halnya di Malaysia di mana lebih daripada 30 buah negara telahpun melabur modal dalam projek-projek perusahaan di sini, negara-negara lain juga akan meneruskan pembangunan mereka berdasarkan kepada kesetabilan politik, ekonomi dan sosial masing-masing.



No. Siri 571
No. Penerimaan 81/79